

# Anwar galas misi penting lawatan kerja ke benua Afrika mulai hari ini

## Kunjungan PM ke Ethiopia, Afrika Selatan dan Kenya bincang kerjasama pelbagai aspek

Oleh  
Sharanjit  
Singh

bhnews@bh.com.my



**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim akan berangkat ke benua Afrika untuk siri lawatan rasmi dan lawatan kerja ke Ethiopia, Afrika Selatan dan Kenya, bermula hari ini.

Perdana Menteri akan memulakan lawatan dengan singgah di Addis Ababa, ibu kota satu negara sahaja di dunia yang bukan sahaja dikenali sebagai tempat asal kopi, tetapi juga kerana sejarahnya yang kaya serta tradisi budayanya yang unik.

Selaras statusnya sebagai pusat Kesatuan Afrika (AU), ekonomi Ethiopia antara terbesar di Afrika-dipacu prestasi kukuh

sektor perkhidmatan, sementara pertanian kekal penting bagi sumber pendapatan dan eksport.

Ironinya, lawatan Anwar ini menandakan kali pertama seorang Perdana Menteri Malaysia yang sedang berkhidmat menjejaskan kaki di bumi Ethiopia.

Kuasa Usaha Sementara di Kedutaan Malaysia di Addis Ababa, Mohd Afandi Abu Bakar, berkata lawatan Anwar ke sini, adalah atas jemputan Perdana Menteri, Dr Abiy Ahmed Ali, yang melawat Kuala Lumpur pada Oktober tahun lalu.

Pada masa itu, kedua-dua pemimpin berikrar untuk memperkukuh hubungan serta bekerjasama dalam perdagangan, pertanian, perindustrian dan pelombongan.

Dalam lawatan berkenaan, Malaysia turut menyatakan penghargaan atas sokongan Ethiopia terhadap hasrat Malaysia menjadi negara rakan BRICS.

"Ini pertemuan bersejarah dan bermakna yang akan membuka ruang kepada hubungan dua hala yang lebih erat serta perbincangan mengenai hal ekonomi dan pelaburan.

"Kedua-dua pemimpin akan mengadakan mesyuarat dan menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman dalam pelbagai sektor, termasuk pelancongan dan kesihatan," katanya, sambil menambah Anwar juga dijangka

mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Ethiopia, Taye Atske-Selassie Amde.

Afandi berkata, lawatan Perdana Menteri ke Ethiopia adalah deklarasi strategik yang menandakan kembalinya diplomasi Malaysia ke benua itu pada tahap tinggi.

Ethiopia sememangnya pusat diplomasi Afrika, menjadi tuan rumah kepada AU dan Suruhanjaya AU (AUC).

Lawatan Anwar berserta pembukaan semula Kedutaan Malaysia di Addis Ababa pada 23 September, dilihat sebagai langkah diplomatik yang nyata.

Kali terakhir Malaysia mempunyai kedutaan beroperasi di Ethiopia antara 1965 hingga 1983, sebelum ditutup akibat pergolakan dalaman negara yang pernah dilanda kebuluran itu.

Selepas ditutup selama 42 tahun, pembukaan semula kedutaan dianggap perkembangan penting kerana ia bertujuan menjadi pemangkin kepada penerokaan peluang baharu dan meluaskan capaian diplomatik Malaysia di Afrika.

Ethiopia satu rakan dagang utama Malaysia di Afrika, dengan jumlah nilai perdagangan dua hala pada 2023 ialah RM446.8 juta, dengan imbalan berpihak kepada Malaysia.

Eksport utama Malaysia ke Ethiopia, termasuk produk elektrik dan elektronik, minyak sa-

wit, serta produk kimia. Syarikat Malaysia turut melabur dalam pelbagai sektor di Ethiopia termasuk penerokaan minyak (PETRONAS) dan pengeluaran minyak masak.

Selepas selesai lawatan di Addis Ababa, Anwar akan berlepas ke Johannesburg pada 20 November untuk Sidang Kemuncak Pemimpin G20 sebagai Pengerusi ASEAN 2025.

Beliau kemudian akan menuju Nairobi, Kenya pada 23 November sebelum pulang ke tanah air pada 24 November.

### Komitmen strategik

Lawatan Perdana Menteri ke tiga negara itu bertujuan menggiatkan semula kerjasama Malaysia-Afrika, menandakan komitmen strategik Putrajaya terhadap benua Afrika yang dilihat sebagai rakan dinamik dan penting, dengan sejarah bersama dalam cabaran pembangunan serta aspirasi bersama.

Pembabituan Perdana Menteri di Addis Ababa, Johannesburg dan Nairobi akan berteraskan tiga tonggak strategik - memajukan agenda negara Selatan global, membina ketahanan ekonomi yang saksama dan memperdalam hubungan sejarah serta hubungan rakyat dengan rakyat.

Menurut kenyataan dari Putrajaya, Anwar berhasrat mengukuhkan kedudukan Malaysia se-

bagai suara lantang bagi negara membangun dengan keutamaan merangkumi advokasi tadbir urus ekonomi global yang inklusif, memperjuangkan kelestarian hutang bagi negara berpendapatan rendah, dan menangani keadilan iklim.

Dari sudut ekonomi, Malaysia mahu memperluas perdagangan dan pelaburan berdasarkan perkongsian tulen dan saling menghormati, dengan fokus kepada kerjasama bernilai tambah.

Ini termasuk memanfaatkan kepakaran Malaysia untuk menyokong keusahawanan Afrika dan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), memudah cara pembangunan industri halal serta mempromosikan akses pasaran strategik sambil memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pintu masuk ke ASEAN dan negara Afrika sebagai pintu masuk ke benua itu.

Lawatan ini juga meraikan hubungan sejarah yang mendalam, khususnya ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik dengan Ethiopia dan Kenya serta sejarah kerjasama dengan Afrika Selatan dalam perjuangannya menentang apartheid.

Ulang tahun ini menjadi landasan memperbaharui komitmen diplomatik dan memperdalam kerjasama dalam sektor penting seperti pendidikan, kesihatan dan pembangunan modal insan.